

Negara maju perlu sokong: Mahathir

Demokrasi asas

Ⓟ trip ouar sea

Orde Baru dunia

Dari **29 NOV 1991**
Daripada **MIK KAMARUL SHAHID**

CARACAS (VENEZUELA), Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ditugaskan mewakili suara 1,050 juta rakyat Asia dalam Kumpulan Kerjasama Negara Selatan (G-15), hari ini menegaskan pentingnya dunia mewujudkan satu agenda baru bagi memerangi isu kritikal dunia yang membabitkan **hujung Utara Selatan**.

Perdana Menteri berkata, agenda yang berasaskan kepada 'Dokongan Orde Dunia' itu memastikan supaya pihak yang mempunyai keistimewaan tidak membuat sebarang keputusan tanpa mengambil kira pandangan negara membangun.

Katanya, rmatlamat agenda itu untuk membetulkan ketidakseimbangan dan masalah ekonomi disebabkan eksploitasi negara kaya terhadap negara miskin sejak berdekad lalu.

co. Zimbabwe dan Malaysia.

Bagi negara Asia dalam kumpulan itu, India mempunyai 840 juta rakyat, Indonesia (182,650,000) dan Malaysia (17,377,000).

Ketiga-tiga negara Asia itu dianggap paling cergas dalam kumpulan G-15.

Datuk Seri Dr Mahathir dengan tegas menyatakan bahawa segala kekayaan dan teknologi di negara-negara Utara hendaklah digunakan sebaik mungkin, bukan untuk kemusnahan tetapi untuk kepentingan semua rakyat, terutamanya yang memerlukan.

Oleh itu, 'Dokongan Orde Dunia' yang dicadangkannya itu akan dapat membetulkan

"Jika pakatan untuk memenangi peperangan boleh dilakukan, mengapa tidak wujudkan pakatan untuk menghadapi isu kritikal yang membabitkan soal buta huruf, penyakit, kemiskinan dan penindasan?" katanya ketika berucap di Persidangan Kemuncak Kedua G-15 di Kompleks Kebudayaan Rios Reyna, di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berucap selepas Presiden Carlos Andres Perez dari Venezuela memberikan ucapannya. Ini diikuti oleh Presiden Alberto Fujimori yang mewakili negara-negara Amerika Latin dan Presiden Robert Mugabe dari Zimbabwe yang mewakili negara-negara Afrika.

Meskipun 11 ketua kerajaan sepatutnya hadir, tetapi sehingga majlis perasmian hanya sembilan pemimpin berada di atas pentas. Mereka ialah Peru, Indonesia, Algeria, Senegal, Venezuela, India, Mexi-

semua aliran semasa yang tidak sihat. Dengan ini, negara membangun akan menikmati pembahagian kekayaan dengan lebih bermakna.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, jika perlu membuat penyesuaian, ia tidak seharusnya dilakukan oleh negara-negara Selatan semata-mata, malah negara-negara Utara mesti juga berbuat demikian.

Hanya dengan cara ini, negara-negara Utara akan turut mendapat faedah daripada kemakmuran negara di Selatan. Bagaimanapun, beliau menegaskan, sebelum negara-negara Utara menuding jari terhadap nencabulan Selatan, ia sepatutnya mengurangkan defisit belanjawan yang terlalu besar.

"Negara-negara di Utara perlu menyedari bahawa cara perbelanjaan mereka yang tidak bertanggungjawab itu memberi kesan kepada nilai

LIHAT MUKA 2

Hapus
semua
pembaziran

DARI MUKA 1

mata wang dan pasaran kewangan," katanya.

Oleh itu, beliau menasihatkan negara terbabit menamatkan tabungan dan menghapuskan sebarang penggunaan yang membazir. Sebaliknya, ini boleh dilakukan dengan memberi subsidi dan sokongan harga bagi keluaran pertanian serta memansuhkan halangan dasar perlindungan yang menghalang pertumbuhan negara membangun.

Mereka mesti belajar supaya lebih mampu bersaing dan bukan menyalahkan orang lain yang menjadi punca mereka hidup dalam keadaan tidak tertanggung.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, negara Utara mesti menerima hasrat mutlak negara lain.

"Apabila mereka membina benteng ekonomi di belakang blok perdagangan, mereka perlu menerima hakikat bahawa pihak lain juga mempunyai hak, sekurang-kurangnya menyuarakan pendapat bagi mempertahankan kepentingan mereka," katanya.

Bagaimanapun, rakyat Asia Timur tidak dibenarkan berunding sesama sendiri atau menggelarkan diri mereka rakyat Asia Timur.